

# Nota Kata Penguat

Menurut Tatabahasa Dewan, kata penguat ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti kata adjektif dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata adjektif tersebut.

## Fungsi Kata Penguat

- Menguatkan makna kata adjektif atau frasa adjektif.
- Menambah penekanan dalam ayat supaya maksud lebih jelas .

## Jenis-jenis Kata Penguat

Kata penguat terbahagi kepada tiga jenis utama berdasarkan kedudukannya dalam frasa adjektif:

### 1. Kata Penguat Hadapan

- a. Terletak di hadapan kata adjektif.
- b. Contoh: *terlalu, paling, agak, cukup, makin, kurang*
- c. Contoh ayat: "Pokok itu **terlalu** tinggi".

### 2. Kata Penguat Belakang

- a. Terletak di belakang kata adjektif.
- b. Contoh: *sekali, benar, betul, nian*
- c. Contoh ayat: "Kelakuan budak itu baik **sekali**".

### 3. Kata Penguat Bebas

- a. Boleh berada di hadapan atau belakang kata adjektif.
- b. Contoh: *sangat, sungguh, amat*
- c. Contoh ayat: "**Amat** merdu suara si Zalika" / "Suara Zalika merdu **amat**"



## Contoh Kata Penguat dan Penggunaannya

Jenis Kata Penguat	Contoh Kata Penguat	Contoh Ayat
<b>Hadapan</b>	terlalu, paling, agak, cukup	Amir merupakan pelajar <b>paling</b> tinggi dalam kelas itu.
<b>Belakang</b>	sekali, benar, nian	Indah <b>sekali</b> pemandangan laut ini
<b>Bebas</b> (hadapan/belakang)	sangat, sungguh, amat	Suaranya <b>sungguh</b> merdu/ Merdu <b>sungguh</b> suaranya

## Kesilapan Umum

Salah satu kesilapan yang sering terjadi melibatkan kata penguat ini adalah apabila ia digunakan dengan kata adjektif yang telah menerima imbuhan ter- seperti contoh di bawah:

Ayat	Status Ayat
Bangunan itu merupakan bangunan <b>paling tertinggi</b> di Malaysia.	<b>Salah</b>
Bangunan itu merupakan bangunan <b>tertinggi</b> di Malaysia	<b>Betul</b>
Bangunan itu merupakan bangunan <b>paling</b> tinggi di Malaysia	<b>Betul</b>



Kesilapan yang lain adalah menggunakan dua kata penguat sekali gus bagi kata adjektif dalam ayat seperti contoh:

Ayat	Status Ayat
Sambutan hari guru pada tahun ini diraikan <b>cukup</b> meriah <b>benar</b> daripada tahun sebelumnya.	<b>Salah</b>
Sambutan hari guru pada tahun ini diraikan <b>cukup</b> meriah daripada tahun sebelumnya.	<b>Betul</b>
Sambutan hari guru pada tahun ini diraikan meriah <b>benar</b> daripada tahun sebelumnya.	<b>Betul</b>

Kesalahan ini berlaku kerana, penggunaan kata penguat seperti "**sekali**," "**benar**," dan "**nian**" tidak boleh berulang kerana ia hanya berfungsi sebagai penguat tambahan setelah kata adjektif.

